

# Tukar hak milik kenderaan kini guna cap jari

Kosmo 12/11/13 Ms 18.

Oleh MANIRAH OTHMAN  
manirah.othman@kosmo.com.my

## KUALA TERENGGANU

- Pemilik dan pembeli kenderaan terpakai kini perlu hadir ke pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk melakukan proses tukar hak milik kenderaan melalui sistem mySikap bermula 1 November lalu.

Ketua Pengarah JPJ, Datuk Seri Ismail Ahmad berkata, melalui mySikap, orang sudah tidak boleh lagi terlibat dalam urusan menukar hak milik kenderaan sebaliknya pemilik asal dan pemilik baharu kenderaan dikehendaki hadir di mana-mana cawangan JPJ untuk mendaftarkan cap jari mereka.

"Melalui sistem ini, proses tukar hak milik kenderaan akan menggunakan kaedah biometrik yang mengkehendaki pemilik dan pembeli hadir ke JPJ untuk pengesahan cap jari.

"Penggunaan biometrik mengatasi pelbagai kelemahan sistem borang dalam proses tukar hak milik kenderaan sebelum ini," katanya selepas majlis pe-

nutup Karnival Skwad Muda IJPJ peringkat negeri Terengganu di Dataran Batu Buruk di sini kelmarin.

Ismail berkata, pendaftaran boleh dilakukan secara berasingan di mana-mana cawangan JPJ dalam tempoh tujuh hari selepas salah seorang daripada mereka berbuat demikian.

Katanya, selepas itu, urusan penukaran hak milik kenderaan dilakukan secara dalam talian dan jika individu sama berhasrat untuk menukar hak milik kenderaan lain, mereka tidak perlu lagi ke cawangan JPJ kerana sudah mempunyai rekod.

Jelasnya, sistem mySikap akan membolehkan proses dilakukan lebih telus tanpa menggunakan khidmat orang tengah yang mengambil keuntungan selain mengelak pemalsuan dokumen.

"Melalui sistem borang sebelum ini, ia mengundang risiko penipuan kerana terdapat beberapa kes pemalsuan dokumen dan sebagainya," tegasnya.



ISMAIL (dua dari kanan) melihat kenderaan yang dipamerkan pada majlis penutup Karnival Skwad Muda IJPJ peringkat negeri Terengganu di Kuala Terengganu kelmarin.

➤ Melalui sistem ini, proses tukar hak milik kenderaan akan menggunakan kaedah biometrik yang mengkehendaki pemilik dan pembeli hadir ke JPJ untuk pengesahan cap jari.

ISMAIL AHMAD